

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2018/2019**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 30102
KOD PROGRAM : BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2018/JANUARI 2019
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TUJUH BELAS (17) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1** Berikut adalah prinsip pengurusan saintifik yang dihasilkan oleh Fredrick Taylor kecuali
- A. Perkembangan kaji gerak.
 - B. Insentif upahan
 - C. Pengurusan kerja
 - D. Penentuan gerak kerja
- S2** Polisi dan dasar dibuat oleh pihak atasan manakala kakitangan melaksanakannya. Kenyataan tersebut adalah berkaitan dengan
- A. pengurusan
 - B. pentadbiran
 - C. pengurusan dan pentadbiran
 - D. pengurusan dan pentadbiran sekolah
- S3** Henry Fayol (1841-1925) telah membahagikan fungsi-fungsi pengurusan kepada beberapa elemen kecuali
- A. perancangan
 - B. pengawalan
 - C. penyusunan
 - D. pengubahsuaian
- S4** Konsep pengurusan merupakan
- A. proses merancang, mengarah dan mempengaruhi sumber manusia
 - B. proses menggunakan sumber manusia dengan berkesan
 - C. proses mengawal dan melapor aktiviti institusi dengan menggunakan sumber manusia
 - D. proses merancang, menyusun, mengarah dan mengawal aktiviti institusi
- S5** Terdapat 7 fungsi pengurusan iaitu merancang, mengelola, mengarah, mengkoordinasi, mengawal, menggunakan staf dan
- A. menyelaras
 - B. melapor
 - C. menyusun
 - D. mengubah
- S6** Apakah yang dititikberatkan oleh pendidikan era kemerdekaan?
- A. Perpaduan kaum
 - B. Kehendak dan nilai penjajah
 - C. Demokrasi pendidikan
 - D. Pembangunan manusia

- S7 Berikut merupakan ciri-ciri budaya cemerlang yang perlu ada dalam sesebuah sekolah kecuali
- A. memecat guru yang hadir lambat ke sekolah
 - B. menerapkan nilai-nilai positif dalam kalangan murid
 - C. membantu menangani pelbagai masalah sosial dalam kalangan murid
 - D. mewujudkan perpaduan dalam kalangan warga sekolah
- S8 Akta Pelajaran 1961 yang dilaksanakan berdasarkan
- A. Penyata Cheeseman 1938 dan Penyata Barnes 1948
 - B. Suruhanjaya Johari 1960 dan Penyata Razak 1956
 - C. Penyata Mahathir 1976 dan Penyata Kabinet 1980
 - D. Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960
- S9 Berikut ialah peranan utama pengurusan pendidikan awam kecuali
- A. membuka peluang pendidikan kepada semua warga
 - B. melahirkan graduan yang berkualiti
 - C. melahirkan warganegara yang bersatu padu
 - D. melahirkan warganegara yang berpendapatan tinggi
- S10 Antara berikut, manakah bukan ciri yang telah ditetapkan secara konsisten dalam sesebuah organisasi pendidikan?
- A. Perkongsian ilmu pengetahuan
 - B. Pemikiran kritikal
 - C. Menidakkan fleksibiliti
 - D. Pembelajaran sepanjang hayat
- S11 Institut Aminuddin Baki (IAB) berfungsi dalam pengurusan dan pentadbiran sekolah kecuali
- A. penilaian
 - B. latihan
 - C. penerbitan
 - D. penyelidikan
- S12 Berikut ialah fungsi hierarki kecuali
- A. satu bentuk susunan secara berlapis dan setiap lapisan mempunyai hierarki tertentu
 - B. susunan itu menjelaskan “ranking” jawatan, fungsi, bidang tugas dan tanggungjawab
 - C. semakin tinggi susunan itu, semakin tinggi jawatan yang disandang, semakin banyak fungsinya, semakin besar bidang tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan
 - D. semakin tinggi jawatan yang disandang, semakin mudah bidang tugas dan tanggungjawab yang perlu dilakukan

- S13** Terdapat dua jenis kurikulum di sekolah iaitu kurikulum tersurat dan kurikulum tersirat. Antara berikut, manakah bukan terkandung dalam kurikulum tersurat?
- A. Budaya sosial sekolah
 - B. Mata pelajaran
 - C. Peruntukan masa pembelajaran
 - D. Kaedah-kaedah pengajaran
- S14** Manakah antara berikut bukan tujuan Laporan Razak?
- A. Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa pengantar di sekolah
 - B. Mengeratkan perpaduan antara kaum Melayu, Cina dan India sebagai satu rumpun bangsa di Tanah Melayu
 - C. Mewujudkan masyarakat yang bertoleransi, berdisiplin, terlatih, liberal dan progresif
 - D. Meningkatkan ekonomi masyarakat di Tanah Melayu
- S15** Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) dilaksanakan untuk mentransformasikan pendidikan supaya dapat menghadapi cabaran baharu. Antaranya ialah mewujudkan 6 aspirasi pelajar dengan memberi penekanan keseimbangan antara ilmu dan akhlak. Berikut ialah aspirasi pelajar tersebut kecuali
- A. identiti nasional
 - B. kecekapan
 - C. pengetahuan
 - D. kemahiran bahasa
- S16** Proses penubuhan dan pendaftaran, pengurusan dan operasi pendidikan swasta tertakluk di bawah
- A. Akta Pelajaran 1961
 - B. Ordinan Pelajaran
 - C. Akta Pendidikan 1996
 - D. Jawatankuasa Kabinet
- S17** Berikut merupakan usaha dalam pembentukan perpaduan dalam sistem pendidikan kecuali
- A. bahasa kebangsaan menjadi bahasa pengantar utama
 - B. kurikulum yang sama
 - C. sistem persekolahan yang sama bagi semua kaum
 - D. memakai pakaian seragam yang sama
- S18** Matlamat Dasar Pendidikan dicapai dengan mengimplementasikan strategi berikut kecuali
- A. mewujudkan peperiksaan yang sama bagi semua sekolah
 - B. menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama
 - C. menubuhkan sekolah dwibahasa dengan bahasa pengantarnya ialah bahasa Inggeris
 - D. memperluas pendidikan vokasional dan teknik

- S19 Cabaran pengurusan dan kepimpinan masa hadapan mempunyai lima (5) cabaran. Antaranya adalah seperti teknologi, kepelbagaian maklumat, globalisasi dunia, budaya organisasi dan
- pespektif dunia
 - persekitaran global
 - generalisasi
 - nilai masyarakat

Pendekatan pengurusan pada tenaga kerja untuk mewujudkan aktiviti perancangan, penyelarasan dan pengawasan pengeluaran kerana pada dasarnya setiap pekerjaan memerlukan perancangan kerja dan masa.

- S20
- Penyataan di atas dinyatakan dalam prinsip dan teori pengurusan
- Henry L. Gantt
 - Frederick Taylor
 - Henry Fayol
 - Frank dan Lilian Gilbreths
- S21 Dasar Ekonomi Baru telah memberi kesan kepada sistem pendidikan di Malaysia dan beberapa perubahan telah dilakukan. Antara berikut, manakah bukan kesan daripada dasar tersebut?
- Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar utama yang dilaksanakan sepenuhnya pada peringkat menengah di Semenanjung Malaysia
 - Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua turut diberi tumpuan
 - Jurang pendidikan antara pelajar bandar dan luar bandar dirapatkan
 - Menekankan pendidikan menyeluruh dan bersepadu bagi membentuk pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek
- S22 Berikut ialah perubahan Sistem Pendidikan Kebangsaan berdasarkan syor-syor Laporan Kabinet 1979 kecuali
- kegiatan kokurikulum diutamakan
 - bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam semua peringkat persekolahan
 - kurikulum sekolah KBSR dan KBSM digubal dan dilaksanakan dalam tahun 1980-an
 - mata pelajaran Kemahiran Hidup wajib dipelajari pada peringkat sekolah menengah rendah
- S23 Konsep organisasi dalam bidang pendidikan penting untuk melahirkan pelajar seperti berikut kecuali
- beretika
 - berdisiplin
 - berilmu
 - bersahsiah

- S24** “Struktur antara kedudukan jawatan dalam sesebuah organisasi yang diwujudkan untuk mencapai objektif tertentu”. Kenyataan tersebut merujuk kepada “organisasi” digunakan dalam beberapa cara iaitu
- A. sebagai suatu proses
 - B. sebagai suatu rangka perhubungan
 - C. sebagai suatu kumpulan
 - D. sebagai suatu rangka kerja
- S25** Apakah peranan guru dalam sistem pentadbiran awam di sekolah?
- A. Bertanggungjawab dalam menggubal dan pelaksanaan dasar pendidikan, merancang program untuk mencapai matlamat negara seperti termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan
 - B. Melengkapkan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran mengajar iaitu dapat menggabungkan aspek-aspek teori-teori, pedagogi dan teknologi pendidikan untuk diintegrasikan dalam pengajaran
 - C. Bertanggungjawab mengenai keperluan pelajaran dari segi pengambilan tanah, pembangunan fizikal, kemudahan sekolah, rumah guru dan asrama di peringkat daerah
 - D. Bertanggungjawab mengenai perjalanan pentadbiran sekolah peringkat daerah
- S26** Pengetua atau guru besar merupakan pentadbir tertinggi sesebuah sekolah. Antara berikut, manakah bukan kemahiran kompetensi pentadbir tertinggi sekolah?
- A. Kompetensi sosial
 - B. Kompetensi pedagogi
 - C. Kompetensi keperibadian
 - D. Kompetensi bahasa
- S27** Antara berikut, manakah bukan tanggungjawab dan tugas pengetua atau pengarah?
- A. Mentadbir dan memimpin pengajaran guru sekolahnya
 - B. Melantik guru di sekolahnya
 - C. Menyimpan rekod peribadi guru sekolahnya
 - D. Merancang takwin sekolahnya
- S28** Pihak berikut memainkan peranan dalam sistem pentadbiran pendidikan awam terhadap pengajaran dan pembelajaran di sekolah kecuali
- A. Kementerian Pendidikan Malaysia
 - B. jabatan pendidikan negeri
 - C. komuniti
 - D. guru-guru

- S29** Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan bahawa seseorang individu mempunyai empat domain potensi. Apakah domain potensi tersebut?
- A. Minda, Rohani, Intelek, Jasmani
 - B. Akal, Interlek, Rohani, Jasmani
 - C. Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek
 - D. Fizikal, Emosi, Intelek, Rohani
- S30** Manakah antara berikut menerangkan tentang cara pendidikan awam di Malaysia diuruskan dari aspek kurikulum melalui penilaian?
- A. Melakukan penilaian terhadap kurikulum serta mereka bentuk semula kurikulum setelah selesai pelaksanaan dan latihan sesuatu program
 - B. Sesuatu proses untuk membolehkan kurikulum itu dapat disampaikan dengan cara yang betul melalui proses pengajaran dan pembelajaran
 - C. Dalam bidang pengurusan pendidikan, perancangan merupakan satu perkara yang diberi keutamaan
 - D. Sentiasa melakukan ujian atau menilai tahap kemampuan setiap murid
- S31** Manakah antara berikut merujuk kepada maksud kurikulum menurut Hirst (1975)?
- A. Kurikulum sebagai semua pelajaran yang dirancang dan dibimbing oleh sekolah sama ada dilaksanakan secara individu atau kelompok sama ada di dalam mahupun luar sekolah
 - B. Kurikulum sebagai semua kesempatan pembelajaran yang dirancang oleh guru-guru untuk murid-murid sekolahnya
 - C. Kurikulum sebagai satu program yang mengandungi aktiviti-aktiviti pembelajaran dan disusun oleh guru untuk membolehkan murid-murid mencapai objektif yang ditentukan
 - D. Merupakan satu set kursus dan isi kandungannya yang ditawarkan di sebuah sekolah atau universiti
- S32** Sekolah antarabangsa merupakan salah satu daripada sekolah yang telah ditubuhkan oleh Institusi Pendidikan Swasta (IPS). Apakah program yang ditawarkan oleh sekolah tersebut?
- A. Program pendidikan rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara Malaysia serta menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
 - B. Program tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengantar
 - C. Program pendidikan peringkat tadika, rendah dan menengah dengan menggunakan kurikulum negara luar serta menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
 - D. Program tadika dan rendah dengan menggunakan kurikulum yang telah dihasilkan sendiri oleh pihak sekolah serta menggunakan bahasa asing sebagai bahasa pengantar

TERBUKA

- S33** Siapakah Aminuddin Baki dan pada tahun bilakah Institut Aminuddin Baki diisytiharkan namanya?
- Menteri Pelajaran Malaysia, 1988
 - Timbalan Menteri Pelajaran, 1989
 - Penasihat Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, 1988
 - Menteri Kewangan Malaysia, 1979
- S34** Pengetua atau pengarah membantu kakitangan sama ada akademik atau bukan akademik menentukan sasaran kerja dan berbincang mengenai mutu kerja. Kenyataan ini merujuk kepada peranan pengetua atau pengarah dalam bidang
- pengurusan dan pembangunan
 - pengurusan personel
 - pembangunan maju diri murid
 - pengurusan kewangan
- S35** Berikut merupakan kandungan Laporan Cheeseman kecuali
- pendidikan peringkat rendah (asas) secara percuma dalam semua bahasa pengantar
 - Bahasa Inggeris merupakan mata pelajaran wajib di semua sekolah vernakular
 - Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran wajib di semua sekolah
 - pendidikan peringkat menengah menggunakan bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar
- S36** Berikut merupakan persekolahan yang terdapat semasa penjajahan Inggeris kecuali
- Sekolah vernakular Inggeris
 - Sekolah vernakular Cina
 - Sekolah vernakular India
 - Sekolah vernakular kebangsaan
- S37** Laporan ini telah termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Laporan ini menyatakan bahawa sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan diwujudkan untuk memupuk semangat kebangsaan dan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Manakah antara berikut boleh dikaitkan dengan pernyataan di atas?
- Penyata Cheeseman
 - Penyata Barnes
 - Penyata Rahman Talib
 - Penyata Razak
- S38** Kursus di IAB ini merupakan kursus paling utama untuk menyediakan pentadbir pendidikan yang berkesan dan berwibawa. Apakah nama kursus tersebut?
- Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan
 - Kursus Instruksional
 - Kursus Pengurusan Pejabat dan Kewangan
 - Kursus Pengurusan Organisasi

- S39** Antara tugas pemimpin tertinggi di sekolah ialah perlu menentukan pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan berjalan dengan teratur, berkesan dan mengikut perancangan. Tugas ini tergolong dalam bidang kepimpinan di bawah bidang apa?
- A. Kurikulum
 - B. Kokurikulum
 - C. Hal Ehwal Murid
 - D. Kewangan
- S40** Seorang pengarah atau pengetua berusaha dengan sedaya upaya untuk mempengaruhi dan memastikan para guru melaksanakan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab. Gaya kepimpinan yang ditunjukkan oleh beliau ialah
- A. gaya kepimpinan secara bertimbang rasa
 - B. gaya kepimpinan berorientasikan kejayaan
 - C. gaya kepimpinan secara mengarah
 - D. gaya kepimpinan berorientasikan kemanusiaan
- S41** Antara yang berikut, manakah merupakan peranan Institut Aminuddin Baki?
- A. Membina dan membangunkan profesionalisme dalam kepimpinan dan pengurusan pendidikan yang akan membantu membangunkan sistem pendidikan kebangsaan
 - B. Membina dan membangunkan sistem pentadbiran pendidikan dan disiplin pendidik supaya berjaya menjadi sistem yang maju pada masa akan datang
 - C. Membina dan membangunkan modal insan yang utuh dari segi emosi, akhlak, dan moraliti dalam mengharungi ranjau serta liku dalam pembelajaran
 - D. Membina dan menjadikan sistem pentadbiran pendidikan menjadi tersusun dengan sistematik
- S42** Penglibatan pelajar secara aktif akan menimbulkan minat yang tinggi dan berazam untuk terus berada dalam pembelajaran. Apakah faktor yang boleh menimbulkan minat dalam pengajaran dan pembelajaran?
- A. Kejayaan akademik
 - B. Guru yang membosankan
 - C. Kegagalan penyampaian pengajaran
 - D. Kesungguhan dari pelbagai aspek

A red rectangular stamp with the word "TERBUKA" written in capital letters inside.

- S43 Pengurus sekolah, guru-guru dan kakitangan sekolah terdedah kepada dakwaan (litigation) atas pelbagai tuduhan seperti kegagalan melaksanakan tanggungjawab, kecuaiian, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang mungkin berlaku. Kegagalan memenuhi “kewajipan berjaga-jaga” (*duty of care*), kegagalan melaksanakan tanggungjawab, kegagalan mematuhi arahan serta peraturan boleh mengakibatkan pihak sekolah menghadapi dakwaan sivil ataupun jenayah. Antara berikut, manakah bukan merupakan “kewajipan berjaga-jaga” telah dimungkiri?
- A. Mendedahkan murid kepada situasi berbahaya
 - B. Melakukan tindakan pencegahan
 - C. Memberi arahan yang kurang jelas
 - D. Kecuaian dalam melakukan persiapan
- S44 Pendidikan swasta membantu kerajaan menyediakan peluang pendidikan kepada semua masyarakat. Begitu juga dengan sekolah persendirian Cina. Manakah antara berikut bukan ciri sekolah persendirian Cina?
- A. Bertujuan mengekalkan identiti kecinaan
 - B. Berkembang pesat sebagai institusi ilmu, budaya dan bahasa Cina
 - C. Sukatan dan buku dibawa dari China
 - D. Mendapat peruntukan sepenuhnya dari kerajaan setiap tahun
- S45 Matlamat pelaksanaan pengurusan sekolah yang telah dan sedang diaplikasikan dalam sistem pendidikan Malaysia bertujuan untuk
- A. meningkatkan penyertaan ibu bapa dalam urus tadbir sekolah
 - B. mengawal kuasa pengetua dan guru besar
 - C. membina kapasiti antarabangsa
 - D. meningkatkan bilangan murid
- S46 Manakah merupakan laporan pendidikan sebelum merdeka?
- I Laporan Razak
 - II Ordinan Pelajaran
 - III Akta pelajaran
 - IV Penyata Razak
- A. I sahaja
 - B. II sahaja
 - C. I dan III sahaja
 - D. I, II dan IV sahaja

TERBUKA

- S47** Ciri-ciri pengarah atau pengetua yang tidak disukai oleh golongan bawahan adalah seperti berikut
- I terlalu tegas dalam pengurusan
 - II terlalu bertimbang rasa
 - III memberi kebebasan sepenuhnya kepada guru
 - IV suka mengkritik secara membina
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. I dan III sahaja
 - D. Semua di atas
- S48** Berikut merupakan kepentingan sekolah swasta kecuali
- I ekuiti
 - II kejayaan akademik
 - III menjamin kesamarataan
 - IV membuka peluang pendidikan berfokuskan perpaduan
- A. I dan II sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. II, III dan IV sahaja
- S49** Wawasan pendidikan menegaskan tentang penerapan
- I perpaduan
 - II sekolah wawasan
 - III budaya cemerlang
 - IV sekolah penyayang
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. Semua di atas
- S50** Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Swasta terlibat secara langsung dalam mengawasi penubuhan dan operasi serta menjalankan pemantauan bagi memastikan kecemerlangan dan kualiti pendidikan di setiap institusi. Antara akta-akta yang terlibat ialah
- I Akta Pendidikan 1996
 - II Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996
 - III Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996
 - IV Akta Lembaga Akreditasi Negara
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. Semua di atas

TERBUKA

- S51** Laporan Kabinet telah disediakan oleh jawatankuasa kabinet mengenai pelajaran bertujuan untuk mengkaji masalah dan rintangan yang terdapat dalam sistem pendidikan semasa. Antara cadangannya ialah
- I membaiki pencapaian pendidikan dalam kalangan belia terutamanya golongan yang tidak beruntung
 - II meningkatkan nilai moral dan etika serta kewarganegaraan dalam kalangan murid sekolah
 - III menekankan pelajaran yang tidak berorientasikan vokasional
 - IV menjamin kelancaran pengurusan profesional dan pentadbiran sistem pendidikan
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, II dan IV sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. Semua di atas
- S52** Pendekatan pengurusan saintifik atau juga dikenali sebagai analisis tugas yang menumpukan kepada pekerja atau peringkat bawah ini diasaskan oleh Frederick Taylor (1856-1915). Prinsip Taylor dalam pendekatan pengurusan saintifik ini ialah
- I produktiviti boleh ditingkatkan melalui kerja yang berkesan
 - II gaji seimbang dengan kerja
 - III perlu memotivasikan pekerja
 - IV memilih pekerja paling sesuai sebab ada yang layak dan tidak
- A. I sahaja
 - B. I dan III sahaja
 - C. I, II dan III sahaja
 - D. Semua di atas
- S53** “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia merupakan kesinambungan dari segi matlamat, aspirasi dan penyampaian pendidikan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi dan seterusnya”. Antara berikut, manakah merupakan aspirasi sistem pendidikan Malaysia seperti termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia?
- I Perpaduan
 - II Kecekapan
 - III Ekuiti
 - IV Pengetahuan
- A. I, II dan III sahaja
 - B. I, III dan IV sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. Semua di atas

TERBUKA

- S54** Berikut merupakan cara pendidikan awam di Malaysia diuruskan dari aspek kurikulum kecuali
- I perancangan
 - II latihan
 - III penilaian
 - IV pembelajaran
- A. I dan II
 - B. I dan III
 - C. I, II dan IV
 - D. IV sahaja
- S55** Apakah tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pendidik agar perpaduan dalam kalangan pelajar terus terjalin?
- I Memperkasakan Bahasa Melayu di setiap sekolah
 - II Penubuhan Sekolah Bestari
 - III Menggiatkan aktiviti kokurikulum
 - IV Pengasingan pelajar mengikut kelas dan budaya
- A. I dan III sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. Semua di atas
- S56** Di dalam kelas, nilai-nilai murni boleh dipupuk melalui
- I tingkah laku guru
 - II teguran guru ke atas tingkah laku negatif murid
 - III penyampaian isi pelajaran
 - IV aktiviti pembelajaran murid
- A. I dan III sahaja
 - B. I, II, dan III sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. Semua di atas
- S57** Antara berikut yang manakah peranan pendidikan swasta di Malaysia?
- I Memberi peluang pendidikan yang lebih luas
 - II Mengurangkan pengaliran ringgit ke luar negara
 - III Membantu negara ke arah perindustrian maju
 - IV Menyediakan sistem pengurusan pendidikan yang seragam
- A. I dan II
 - B. I, II dan III
 - C. II, III dan IV
 - D. Semua di atas

TERBUKA

- S58** Berikut merupakan strategi yang dapat merealisasikan konsep budaya kerja cemerlang dalam proses pengurusan sekolah.
- I Setiap kakitangan harus dilengkapkan dengan kesedaran, komitmen dan motivasi terhadap kecemerlangan
 - II Bengkel-bengkel dan latihan diberikan di peringkat pertengahan dan bawahan
 - III Setiap kakitangan perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang
 - IV Ganjaran atau anugerah perlu disediakan bagi mendorong kakitangan untuk lebih cemerlang
- A. I sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. I, III dan IV sahaja
 - D. Semua di atas
- S59** Laporan Barnes mencadangkan supaya
- I menubuhkan sekolah dwibahasa dengan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar
 - II sekolah-sekolah vernakular ditukarkan ke sekolah kebangsaan secara beransur-ansur
 - III penganjuran pendidikan agama digantikan dengan pengajaran jawi
 - IV Pendidikan rendah diberi secara percuma
- A. I dan II sahaja
 - B. I, II dan III sahaja
 - C. II, III dan IV sahaja
 - D. III dan IV sahaja
- S60** Bagi merealisasikan reformasi pendidikan di Malaysia, guru harus memainkan peranan sebagai agen perubahan. Hal ini bermakna guru masa kini harus menukar dari kebiasaan dan rutin yang diamalkan dahulu dengan
- I menggunakan strategi berpusatkan murid
 - II melaksanakan program pendidikan bersepadu
 - III mengandaikan murid bersifat homogen dan heterogenus
 - IV mengurus dan membimbing secara demokratik
- A. I dan II sahaja
 - B. III dan IV sahaja
 - C. I, II dan IV sahaja
 - D. Semua di atas

TERBUKA

BAHAGIAN B

- S61** Dasar pecah dan perintah yang dilaksanakan oleh penjajah ke atas Tanah Melayu telah menyebabkan pelbagai jenis sekolah terbentuk.
A. Ya
B. Tidak
- S62** Laporan Fenn-Wu mengesyorkan supaya sekolah Cina dikekalkan dengan buku dan sukatan pelajaran diambil dari China.
A. Ya
B. Tidak
- S63** Laporan Barnes mengesyorkan supaya pendidikan percuma diberikan pada peringkat rendah.
A. Ya
B. Tidak
- S64** Institut Aminuddin Baki (IAB) merupakan sebuah organisasi yang berperanan memulihkan guru-guru yang bermasalah.
A. Ya
B. Tidak
- S65** Kesamarataan dan kesepaduan hala tuju merupakan 2 daripada prinsip asas pengurusan.
A. Ya
B. Tidak
- S66** Tujuan dan objektif pengurusan pendidikan antaranya adalah untuk meningkatkan kepuasan bekerja.
A. Ya
B. Tidak
- S67** Henry Gantt memperkenalkan 14 prinsip pengurusan.
A. Ya
B. Tidak
- S68** Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) memfokuskan aspek 4M iaitu membaca, menulis, mengira dan menaakul.
A. Ya
B. Tidak
- S69** Akta Pendidikan 1991 diwujudkan bertujuan untuk menjamin dan mengawal selia keseragaman kualiti dalam sistem pendidikan di Malaysia.
A. Ya
B. Tidak

A red rectangular stamp with the word "TERBUKA" written in capital letters inside.

- S70** Sekolah Ekspatrit merupakan sekolah swasta yang ditawarkan kepada anak-anak kakitangan diplomat.
A. Ya
B. Tidak
- S71** Pelajar di universiti swasta layak membuat pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
A. Ya
B. Tidak
- S72** Kurikulum yang terdapat di peringkat prasekolah swasta adalah diwajibkan mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
A. Ya
B. Tidak
- S73** Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (HEM) berperanan untuk menetapkan sasaran pencapaian tahunan pasukan olahraga sekolah.
A. Ya
B. Tidak
- S74** Organisasi ialah suatu struktur dikendalikan oleh sekumpulan individu untuk bekerja bersama-sama ke arah mencapai matlamat yang sama.
A. Ya
B. Tidak
- S75** Pengurusan hubungan luar merupakan salah satu tugas pengetua atau pengarah dalam konteks organisasi dan hierarki sekolah.
A. Ya
B. Tidak
- S76** Akauntabiliti merupakan sifat yang perlu ada pada semua warga sekolah, bukan hanya pemimpin sekolah sahaja.
A. Ya
B. Tidak
- S77** Aplikasi nilai murni dan etika bukan merupakan elemen dalam proses PdP berpusatkan murid.
A. Ya
B. Tidak
- S78** Hukuman koperal (*corporal punishment*) dibenarkan ke atas murid perempuan bagi maksud menjaga disiplin murid-murid.
A. Ya
B. Tidak

TERBUKA

- S79** Sekolah penyayang merupakan penekanan gabungan konsep kognitif dan perasaan yang berteraskan keadilan.
- A. Ya
 - B. Tidak
- S80** Wawasan Pendidikan tidak terlaksana tanpa sokongan daripada masyarakat.
- A. Ya
 - B. Tidak

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA